

# LUZAM mungkin ditubuh

UM 4 DEC 2001

Oleh WARTAWAN UTUSAN

**K**UALA LUMPUR 3 Dis. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kerajaan tidak menolak kemungkinan menubuhkan Lembaga Urusan Zakat Malaysia (LUZAM) bagi menyelaraskan kutipan dan agihan zakat di semua negeri.

Menurut Perdana Menteri, rungutan pihak tertentu yang mempersoalkan fungsi institusi zakat terutama dalam aspek ketelusan pengagihan wangnya mungkin ada kebenaran.

Justeru, beliau berkata, kerajaan akan mendapatkan maklumat daripada pejabat-pejabat zakat berdasarkan aduan yang dibuat.

"Mungkin ada kebenaran juga. Apa sahaja aduan yang dibuat, kita akan dapatkan maklumat.

"Saya juga kena periksa dan tengok (akan keperluan menubuhkan LUZAM) sama ada terdapat keperluan atau tidak," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis terbuka puasa di kediaman Ahli Parlimen Gua Musang, Tengku Razaleigh Hamzah di sini malam ini.

Terdahulu pelbagai pihak meminta kerajaan mempercepatkan penubuhan LUZAM yang dicadangkan lima tahun lalu bagi membolehkan kutipan dan agihan zakat di semua negeri diselaraskan.

Mereka berpendapat, penubuhan lembaga itu akan membolehkan semua urusan berkaitan zakat di negara ini dijalankan dengan lebih sistematik dan efektif dalam meningkatkan sosioekonomi umat Islam.

Pengerusi Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah, Datuk Syeikh Majid Mohd. Noor berkata, penyelarasan kutipan dan agihan zakat perlu dilakukan di peringkat pusat supaya kedudukan golongan fakir dan miskin di negara ini lebih tersusun.

Ujarnya, usaha termasuk mewujudkan LUZAM perlu diteruskan demi kebaikan golongan tersebut dengan cara yang lebih sistematik.

"Elok kalau diwujudkan badan penyelarasan seperti itu tetapi ia mesti dirujuk dulu pada Majlis Agama Islam negeri kerana mereka yang berkuasa," katanya ketika dihubungi.

Penolong Pengurus Operasi Pusat Zakat Negeri Sembilan (PZNS), Mohd. Rafiz Mohd. Yusof pula berkata, kerajaan perlu segera menubuhkan LUZAM seperti yang pernah dicadangkan bagi menyelaraskan dan menyeragamkan pungutan zakat di seluruh negara secara lebih teratur.

Beliau berkata, penubuhan LUZAM akan memudahkan penyelarasan dan menyeragamkan pungutan zakat di seluruh negara secara lebih teratur.

Sebagai contoh, kata beliau, pengiraan zakat emas di Negeri Sembilan berlainan dengan pengiraan di Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Beliau juga yakin langkah menubuhkan

■ Lihat muka 4

## LUZAM mungkin ditubuh

lembaga itu akan membolehkan pengawasan yang lebih rapi dibuat terhadap kesemua institusi zakat di setiap negeri.

"Adanya LUZAM yang bertindak sama seperti Lembaga Tabung Haji, akan membolehkan perolehan zakat yang lebih di negeri-negeri tertentu dapat diagih-agihkan ke negeri lain," katanya kepada *Utusan* di Seremban.

Pensyarah Jabatan Syariah dan Undang-Undang Universiti Malaya, Prof. Madya Dr. Ahmad Hidayat Buang turut meminta kerajaan menimbangkan semula penubuhan LUZAM.

Katanya, penubuhan LUZAM akan melicinkan lagi sistem zakat di negara ini walaupun terdapat halangan enakmen-enakmen tertentu di negeri-negeri.

"Satu tabung lebih mudah untuk diuruskan berbanding banyak tabung," jelasnya.

Idea penubuhan LUZAM dicetuskan pada 13 Julai 1996 oleh Pengurus Besar Pusat Pungutan Zakat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, Mohamed Dahan Abdul Latiff pada Persidangan Bangsa Melayu dan Kejayaan Ekonomi Islam Serantau anjuran Institut Perkembangan Minda (INMIND).

Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Dr. Shafie Mohd. Salleh ketika menggulung perbahasan Undang-Undang Perbekalan Tambahan (1999) di Dewan Negara pula antara lain berkata: "Pada masa ini, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) sedang menyelaras pentadbiran serta perundangan mengenai agama Islam di semua negeri terlebih dahulu, sebelum LUZAM boleh diperkenalkan."

Shafie menegaskan penyelarasan pembayaran zakat itu akan membolehkan pengagihan lebih adil dijalankan.

Baru-baru ini pula, ahli Panel Pemikir Jabatan Hal Ehwal Khas Kementerian Penerangan, Ibrahim Azmi Hassan mencadangkan supaya Kerajaan Pusat menubuhkan sebuah badan penyelaras zakat memandangkan sistem pengagihan zakat sekarang tidak begitu tersusun.

Sementara itu Persatuan Kebajikan Islam (Perkasa) Terengganu juga berpendapat sebuah badan khas perlu diwujudkan untuk menyelaras proses pungutan dan pengagihan zakat kepada golongan yang ditetapkan.

Pengerusinya, Yusof Musa berkata di Kuala Terengganu bahawa sudah sampai masanya pengendalian urusan zakat diperbetulkan kerana ia tidak memberi manfaat menyeluruh kepada golongan yang memerlukan.

### Profesional

Menurutnya, melalui zakat fitrah, berpuluh juta ringgit dikumpulkan setiap tahun di seluruh negara tetapi seolah-olah tiada siapa yang berani mempersoalkan ke mana sebenarnya wang itu disalurkan.

Pengerusi Yayasan Basmi Kemiskinan (YBK), Datuk Zainal Sakom berkata, satu garis panduan tetap dapat diwujudkan jika pengurusan zakat diletakkan di bawah sebuah lembaga.

"Kita tidak mahu pengurusan zakat dibuat melalui jawatankuasa yang tidak tetap dan ini menyebabkan kadangkala pengagihan zakat tidak kena pada sasaran."

"Jika institusi zakat tidak diuruskan dengan baik,

ini menyebabkan kepercayaan orang ramai akan terhakis dan sekali gus mencacatkan imej Islam," katanya.

Presiden Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS), Datuk Suhaimi Ibrahim berkata, urusan zakat tidak boleh lagi dijalankan secara tradisional sebaliknya perlu ditadbir dengan profesional oleh sebuah lembaga.

"Lembaga Tabung Haji boleh dijadikan model dan jika ia dapat dilakukan ke atas institusi zakat, kita bukan sahaja dapat membantu orang miskin malah ia dapat disalurkan kepada sekolah-sekolah dan masjid," ujarinya.

Presiden Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA), Prof. Datuk Hamdan Adnan berkata, pengurusan zakat di negara ini perlu diseragamkan bagi membolehkan agihan dibuat dengan baik.

"Kadang-kadang kita merasa malu apabila tersiar kisah kedaifan hidup orang Islam di akhbar atau televisyen, sedangkan banyak zakat dikutip," jelasnya.

Sementara itu, Setiausaha Agung, Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM), Dr. Maamor Osman berkata, pengurusan zakat perlu dikendalikan di peringkat Pusat bagi membolehkan zakat disalurkan kepada negeri lain yang memperolehi kutipan zakat yang sedikit tetapi mempunyai ramai fakir miskin.

"Walaupun urusan zakat adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri, namun para mufti boleh memainkan peranan agar penyelarasan dapat dibuat bagi kepentingan orang ramai," katanya.